

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD.5 (81)  
Tarikh: 8 Ogos 2012

## KENYATAAN AKHBAR

### KEMERIAHAN LEBARAN DIKONGSI BERSAMA

Sebagai sebuah bandaraya peneraju, dinamik dan lestari, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sentiasa mementingkan tanggungjawab sosial kepada semua penduduk Petaling Jaya. Baru-baru ini MBPJ telah mengadakan Majlis Pemberian Sumbangan kepada Anak-anak Yatim, Sempena Hari Raya Aidilfitri 2012.

Pada tahun ini seramai 220 penerima sumbangan adalah merupakan anak-anak yatim dari kalangan kakitangan dan juga bekas kakitangan MBPJ, serta anak-anak yatim dari kawasan di sekitar Petaling Jaya antaranya PJS 3, Masjid As Salam dan Masjid Taman Medan, kawasan Lembah Subang, kawasan Sek 51A Masjid Dato Kamaruddin, dan kawasan Sek 3/4.

Sumbangan yang telah disampaikan adalah berbentuk wang tunai berjumlah RM100.00 setiap seorang dan juga peralatan sekolah.

Sumbangan ini diadakan adalah bertujuan untuk membolehkan anak-anak yatim ini merasai kemeriahan aidilfitri di samping meringankan bebanan yang ditanggung oleh mereka untuk menyambut lebaran yang bakal tiba.

Sumbangan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya sambil diiringi oleh Tuan Puasa bin Md Taib, Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Tuan Haji Ahmat Mohaayen bin Haji Said, Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**